



# **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YBHG. DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN  
WAN JAFFAR**

**KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM(NRES)**

---

**TARIKH: 4 JUN 2024 (SELASA)**

**MASA: 8.30 PAGI**

**TEMPAT: DEWAN BAIDURI**

## **SALUTASI**

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan

Salam Malaysia Madani

Yang Berhormat Menteri

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim

Ketua Setiausaha;

Yang Berbahagia Dato' Nor Yahati Awang

Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;

Pegawai-Pegawai Kanan NRES;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu bagi pihak seluruh warga Jabatan Alam Sekitar, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri kerana memberi peluang dan ruang kepada JAS untuk menjadi penyelarass kepada Perhimpunan Bulanan NRES kali ke 5 untuk tahun 2024.

**YB Menteri, Datuk/ Dato', Dr., dan hadirin yang saya hormati sekalian,**

2. Sebagaimana semua sedia maklum Jabatan Alam Sekitar merupakan satu-satunya Agensi Penguatkuasaan di bawah NRES. Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 yang telah dibahas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 25 mac 2024 yang lalu membuktikan Kerajaan sentiasa komited dalam menangani krisis pencemaran alam sekitar. Jabatan ini yakin bahawa pindaan akta ini dapat memantapkan penguatkuasaan, pencegahan pencemaran dan jenayah alam sekitar daripada terus berulang di samping mendidik pihak industri dan masyarakat untuk bersama-sama melestarikan alam sekitar.

3. Ketegasan melalui peningkatan denda ini adalah sebagai isyarat keseriusan Kerajaan dalam membanteras pencemaran dan jenayah alam sekitar di Malaysia. Jabatan juga sentiasa komited untuk menambahbaik RUU ini dari semasa ke semasa sebagai salah satu usaha dalam memperkasa aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang merupakan tanggungjawab bersama.
  
4. Untuk makluman, fasa kedua pindaan akta ini pula akan berbentuk substantif menjurus kepada isu-isu yang akan timbul berkaitan tadbir urus alam sekitar. Antaranya ialah mekanisme mengurus perdana alam sekitar (self-regulation), amalan industri hijau dan keperluan laporan Kelestarian Alam Sekitar oleh premis industri.
  
5. Selaras dengan fungsi sebagai agensi penguatkuasa yang mendokong dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, Sehingga Mei tahun 2024, JAS telah berjaya menjalankan 4,326 pemeriksaan penguatkuasaan terhadap industri. Sebanyak 622 tindakan penguatkuasaan telah diambil yang merangkumi pengeluaran notis arahan untuk tindakan penambahbaikan, pengeluaran kompaun, penahanan

operasi kelengkapan, perintah larangan, gantung lesen dan penyediaan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan. Manakala bagi pemeriksaan penguatkuasaan kenderaan bermotor, sebanyak 1649 operasi telah dilaksanakan dengan tindakan pengeluaran kompaun sebanyak 417. Sehingga tempoh tersebut juga JAS telah berjaya mengutip sejumlah RM 1,104,450 hasil daripada denda sabitan di mahkamah dan bayaran kompaun.

## **HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA**

6. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang jatuh pada esok iaitu 5 Jun dengan tema tahun ini *Land Restoration, Desertification & Drought Resilience*. Tema ini membawa mesej tersendiri berhubung ekosistem dunia yang semakin tenat dan perlu diambil serius untuk kita pelihara bersama-sama. Sehubungan itu pelbagai program dan pendekatan terancang akan dijalankan oleh Jabatan ini bagi menyokong usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar ini yang menjadi warisan ganerasi akan datang terus terpelihara

**YB Menteri, Datuk/ Dato', Dr., Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

7. Akhir kata, Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jawatakuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekian,

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima kasih.